



MAJLIS BANDARAYA IPOH

NOTIS SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA	KOD BIDANG / KELAYAKAN	TARIKH IKLAN/JUAL /HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK	TARIKH/MASA TUTUP & LOKASI PENGHANTARAN
1.	NO. SEBUTHARGA S0144/26 NO. RUJUKAN F4/5/115/25 TAJUK MENAIK TARAF BUMBUNG DAN KERJA BERKAITAN DI PASAR KG.SIMEE, MB IPOH	(BUMIPUTERA) GRED G3 KATEGORI: B PENGKHUSUSAN: B24 DAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI LHDN (TCC)	TARIKH IKLAN 9 SEPTEMBER 2026 (RABU) TARIKH JUAL 9 SEPTEMBER 2026 (RABU) TARIKH AKHIR PEMBELIAN 17 SEPTEMBER 2026 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAH MALAM HARGA DOKUMEN RM80.00 (TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN) LAYARI LAMAN SESAWANG MAJLIS BANDARAYA IPOH https://myperolehan.mbi.gov.my	-TIDAK BERKAITAN-	TARIKH TUTUP 18 SEPTEMBER 2026 (JUMAAT) MASA 12:00 TENGAH HARI LOKASI PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUTHARGA PETI TENDER/ SEBUT HARGA TINGKAT 1, UNIT PEROLEHAN, MAJLIS BANDARAYA IPOH

JIKA TERDAPAT LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK :-

- HANYA **PENAMA DI DALAM LESEN** SAHAJA YANG LAYAK MENGHADIRI LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK;
- SEMUA PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMBAWA **COP SYARIKAT DAN SIJIL-SIJIL BERKAITAN SEMASA SESI LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK**
- HANYA PENYEBUT HARGA YANG HADIR LAWATAN / TAKLIMAT TAPAK SAHAJA BOLEH MENYERTA DAN MEMBELI SEBUTHARGA INI.

2. Pendaftaran pembekal dan pembelian dokumen sebutharga dengan Majlis Bandaraya Ipoh perlu dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>. Dokumen sebut harga yang dibeli perlu dicetak dan **dibukukan/ didokumentasikan**. Bayaran pendaftaran dan pembelian dokumen tidak akan dikembalikan. **Proses pembelian dokumen sebut harga dan memuat turun dokumen akan ditutup pada 17 SEPTEMBER 2026 (KHAMIS) JAM 12.00 TENGAH MALAM. KEGAGALAN BERBUAT DEMIKIAN, SEBARANG RAYUAN TIDAK AKAN DILAYAN.**

3. Naskah Meja Dokumen Sebutharga boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://myperolehan.mbi.gov.my>.

4. Dokumen Sebutharga hanya dijual kepada syarikat **dengan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) CIDB** serta masih sah lakunya, 60 hari dari tarikh mula jual.

5. Surat Kelulusan Kebenaran Khas CIDB bagi pengkhususan yang tidak didaftarkan adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

6. Penyebut harga mestilah tidak mempunyai sebarang **tunggakan (cukai taksiran / kompaun / sewaan / semak-samun / pelbagai tunggakan lain)** dengan Majlis Bandaraya Ipoh. Sekiranya Penyebut harga mempunyai tunggakan, pembayaran boleh dibuat secara atas talian di laman sesawang <https://d.mbi.gov.my>. **Diingatkan pembayaran hanya akan diproses dalam tempoh 1-3 hari bekerja.**

7. Semua dokumen sebutharga mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri, ditulis tajuk dan nombor sebutharga berkenaan di penjurru kiri hadapan serta dialamatkan kepada **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender/Sebut Harga di Tingkat 1, Unit Perolehan, Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Ipoh.**

8. Bandaraya Ipoh **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebutharga yang tidak terdapat di dalam Peti Sebutharga/Sebut Harga setelah Peti Sebutharga/Sebut Harga dibuka.

9. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Bandaraya Ipoh adalah **muktamad**. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah **tidak dilayan**.

SURIANI BINTI ISMAIL
KETUA UNIT UKUR BAHAN & PEROLEHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH

MOHD SHAHRIN BIN NORDIN
PENOLONG KETUA UNIT UKUR BAHAN & PEROLEHAN
MAJLIS BANDARAYA IPOH